

Kabinet baharu harapan Malaysia MADANI

Barisan Jemaah Menteri baharu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menamatkan spekulasi bilakah rombakan Kabinet akan dilakukan.

Berdasarkan senarai Jemaah Menteri baharu, jumlah menteri meningkat daripada 28 orang kepada 31 orang, timbalan menteri meningkat daripada 27 orang kepada 29 orang, bertambah daripada 55 orang kepada 60 orang.

Namun, jumlah menteri dan timbalan menteri yang dilantik masih rendah jika dibandingkan 70 orang barisan Kabinet ketika pentadbiran sebelum ini.

Pertambahan menteri dan timbalan menteri dalam Kabinet ini pasti mempunyai justifikasi kukuh Perdana Menteri seperti beliau tegaskan, bertujuan menyesuaikan dengan tuntutan dan perubahan semasa, memerlukan ia ditangani dengan lebih baik termasuk dalam isu ekonomi, kos sara hidup, pendidikan dan hubungan antarabangsa.

Tambahan pula, negara masih belum bebas sepenuhnya daripada pelbagai isu ekonomi domestik dan antarabangsa seperti krisis bekalan beras import serta nilai ringgit yang tidak stabil di samping konflik tata kelola kerajaan masih menjadi keutamaan rakyat.

Anwar dan barisan Kabinet baharunya masih berdepan tugas berat untuk memastikan hala tuju dan reformasi hendak dijayakan Kerajaan Perpaduan berada di landasan betul lagi kukuh, sekali gus menjamin sokongan rakyat, pemegang taruh dan pelabur kepada kerajaan.

Paling penting, dalam rombakan Kabinet kali ini, penyertaan Datuk Seri Amir Hamzah Azizan sebagai Menteri Kewangan II boleh disifatkan sebagai tonik penguat kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan untuk fokus kepada pengurusan ekonomi serta kewangan negara.

Pelantikan Amir Hamzah, tokoh teknokrat terkemuka ke dalam Kabinet baharu ini juga membuktikan Perdana Menteri menghargai kepakaran dan pengalaman dimiliki beliau sebagai bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Ia bukan amalan baharu dilakukan Anwar kerana Perdana Menteri sebelum pernah melakukan keputusan serupa dalam sama melantik bukan orang politik sebagai menteri dalam Kabinet.

Justeru, langkah Perdana Menteri ini tidak sepatutnya dipolitikkan apatah lagi dipertikaikan sambil membawa naratif kononnya muka tiada ahli Parlimen Kerajaan Perpaduan berkelayakan untuk diangkat sebagai menteri atau timbalan menteri baharu dalam rombakan Kabinet pertama pentadbiran Anwar.

Sementara itu, antara portfolio yang bakal menjadi perhatian adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang kini dipikul Datuk Armizan Mohd Ali.

Portfolio itu sebelum ini berjaya menonjolkan legasi cemerlang kepada Kerajaan Perpaduan menerusi pengenalan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif 'Rahmah' pimpinan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Apa yang penting, walau siapa pun yang dipilih membarisi Jemaah Menteri Perdana Menteri, mereka bukan saja bertanggungjawab terhadap kementerian masing-masing, bahkan memikul amanah untuk membantu Anwar memacu Kerajaan Perpaduan mengikut kerangka MADANI, demi kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.